

---

---

## Mesyuarat Badan-badan Islam Di Seluruh Singapura

Akan Diadakan Di Rumah Jamiyah Pada Pukul 9.30 Pagi 31 Februari

Gabungan di antara "PAS" dan "PEMAS" akan memanggil mesyuarat badan-badan Islam seluruh Singapura kerana merundingkan perihal Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum Islam 1965 yang orang-orang Islam diminta untuk memberi fikiran bagi "mengemukakan tambahan bagi mana-mana yang kurang, menguatkan mana-mana yang longgar dan membetulkan sekiranya ada apa-apa yang tersilap" di dalam rang undang-undang itu. PAS dan PEMAS berpendapat bahawa ada baiknya kalau umat Islam sekata dan kerana itu mereka telah menetapkan menjemput semua badan-badan Islam dan orang-orang perseorangan yang terkemuka untuk tujuan yang tersebut di dalam suatu sidangnyanya yang akan diadakan pada pukul 9.30 pagi hari Ahad 13 Februari 1966 yang akan datang di rumah Persekutuan Seruan Islam Se-Malaya.

Di dalam mesyuarat ini kelak badan-badan yang hadir diminta membawa mandat masing-masing daripada pertubuhannya supaya dapat bersama-sama kelak menyertai suatu memorandum bersama di dalam soal-soal yang difikirkan mustahak oleh seluruh umat Islam untuk memerhati dan menyemak perkara-perkara yang difikirkan mustahak dituntut pindaannya terutamanya di dalam hukum-hukum yang berkaitan dengan hukum syarak jika didapati yang demikian itu ada termasuk di dalam rang undang-undang itu.

Persidangan serupa ini adalah hak umat Islam boleh mengadakannya dengan tujuan dan niatnya baik supaya di belakang nanti, apabila jernih pada awalnya maka jernih pula pada kesudahannya. Sebab itu mustahak tiap-tiap badan Islam bersatu dan menyertai langkah-langkah ini kerana bersatu kuat dan berpecah belah akan binasa sedang rang undang-undang itu adalah mengenai seluruhnya kepada umat Islam — bukan orang lain.

Umat Islam seluruhnya adalah bertanggungjawab untuk "**menambah mana-mana yang kurang, menguatkan mana-mana yang longgar dan membetulkan mana-mana yang tersilap**" sebagaimana yang diminta oleh seorang wakil kerajaan di dalam persoalan ini.

Permit bagi mengadakan perjumpaan ini sedang dibuat dan dipercayai bahawa kerana tujuan yang baik, persidangan yang serupa ini tentunya tidak mendapat halangan apa-apa.

---

---